

PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PdPc) PENDIDIKAN SIRAH TERHADAP KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DI MALAYSIA

Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain

*Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK),
Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor.
muhammadtalhah.j@utm.my*

ABSTRACT

Seerah education is a lifelong learning process that shapes values and ethics, as seerah constitutes an education in shaping faith, transforming behavior, and producing actions. Thus, it requires a profound understanding that integrates critical thinking skills throughout the teaching composition process (introduction, development, and conclusion). This study is a survey conducted among Islamic Education teachers in secondary schools in Malaysia in teaching Seerah Education. The objective of this study is to identify the level of implementation of the teaching composition of secondary school Seerah Education that integrates Higher Order Thinking Skills (HOTS). This is because there are Islamic education teachers (IET) who prefer preparing students for examinations rather than teaching critical thinking skills and providing impactful instruction. A questionnaire was used as the main instrument in this study, involving 406 Islamic Education teachers as research respondents. The study findings indicate varying levels of implementation of teaching composition decisions at the beginning, development, and conclusion of instruction. This research is expected to contribute to further investigations, especially concerning the conclusion of teaching composition, to enhance the success of implementing Higher Order Thinking Skills (HOTS) in the subject of Islamic Education (seerah) to achieve the goals of the education development plan for 2013-2025. Further efforts can assist in improving the quality of teachers in implementing new skills for teaching and facilitation (PdPc).

Keywords: *Teaching Composition, Seerah Education, Islamic Education Teachers, Higher Order Thinking Skills (HOTS)*

ABSTRAK

Pembelajaran sirah adalah pembelajaran sepanjang hayat yang membentuk nilai dan Akhlak, kerana sirah adalah sebuah pendidikan dalam membentuk keimanan, mengubah tingkah laku dan menghasilkan tindakan. Maka ia memerlukan penghayatan yang mengintegrasikan kemahiran berfikir sepanjang proses komposisi pengajaran berlangsung (permulaan, perkembangan dan penutup). Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang telah dijalankan terhadap guru-guru Pendidikan Islam sekolah Menengah di Malaysia dalam mengajar Pendidikan Sirah. Objektif kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap pelaksanaan komposisi pengajaran Pendidikan sirah sekolah menengah yang mengintegrasikan KBAT. Hal ini kerana terdapat guru pendidikan Islam (GPI) yang lebih suka menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan berbanding mengajar kemahiran berfikir dan pengajaran yang memberi penghayatan. Borang soal selidik telah dijadikan instrumen utama dalam kajian ini. Seramai 406 orang guru Pendidikan Islam telah terlibat sebagai responden kajian. Hasil dapatan kajian, menunjukkan tahap pelaksanaan komposisi pengajaran keputusan yang berbeza pada permulaan, perkembangan serta penutup pengajaran. Kajian ini diharapkan dapat dilakukan penelitian yang lebih terutama ketika komposisi penutup pengajaran bagi meningkatkan kejayaan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (sirah) bagi mencapai hasrat pelan pembangunan pendidikan 2013-

2025. Usaha seterusnya dapat membantu mempertingkatkan kualiti guru dalam melaksanakan sesuatu kemahiran yang baru untuk diterapkan dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

Kata Kunci: Komposisi Pengajaran, Pendidikan Sirah, Guru Pendidikan Islam, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

PENDAHULUAN

Proses transformasi pendidikan Islam dalam bidang Akhlak, Aqidah, Fiqah dan sirah diberi penekanan oleh pihak KPM terhadap kepelbagaian variasi pendekatan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru pendidikan Islam (GPI). Proses transformasi pendidikan ini berdasarkan keperluan kepada pengubahsuaiyan yang melibatkan komponen keupayaan kurikulum, pembentukan budaya sekolah, penambahbaikan pengetahuan guru dan tahap kemampuan pelajar untuk mengaplikasi setiap isi kandungan pembelajaran yang diperolehi (Syaubari & Ahmad Yunus, 2016; Zarkhuan, 2019). Namun, menerusi Farah Hazwani (2018) menyatakan, pembelajaran terhadap bidang Pendidikan Sirah, ianya perlu penambah baikan di dalam amalan pengajaran.

Pembelajaran pendidikan Sirah perlu dititikberatkan dalam bidang pendidikan Islam bagi memahami komponen yang lebih halus dan praktikal daripada al-Quran dan as-Sunnah. Maka, proses transformasi dalam pengajaran pendidikan sirah perlu mengikuti perkembangan semasa sistem kurikulum kementerian pendidikan Malaysia iaitu dengan mengintegrasikan pengajaran yang mengandungi konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Asas pemikiran ini bersumberkan idea daripada model aras tinggi pemikiran Ibn Khaldun (1958), Taksonomi Bloom (1956), Anderson *et al.*, (2001) dan Muhammad Talhah & Marzuki (2020) dengan meletakkan keupayaan pelajar untuk menganalisis, mengintegrasikan dan menterjemahkan pengetahuan berasaskan realiti kehidupan seharian. Namun begitu, proses pelaksanaan KBAT memerlukan pengetahuan, kefahaman dan keupayaan untuk menterjemahkan fungsi elemen kognitif, afektif dan psikomotor menerusi amalan PdPc guru dan pelajar.

Oleh itu, proses pembelajaran sirah di dalam bilik darjah perlu mengupayakan daya pemikiran pelajar sehingga mampu menghasilkan pelajar yang bukan sahaja memahami pembelajaran di dalam bilik darjah tetapi menghayati, mengamalkan dan menyumbang kepada agama, masyarakat dan negara di luar daripada waktu pembelajaran mereka (Muhammad Talhah, 2022). Justeru, peranan GPI dalam mengintegrasikan PdPc pendidikan Sirah dan pembelajaran berunsur KBAT sangat mustahak. Hal ini kerana, sirah sifatnya memberi kesan penghayatan dalam kehidupan (Farah Hazwani, 2018; Nidzamuddin Zakaria *et al.*, 2019) dan perlu mampu memberikan kesan kepada jiwa dan akhlak pelajar (Muhammad Talhah *et al.*, 2023) dengan menggunakan segala kemudahan termasuk juga media (Ernieza Suhana *et al.*, 2023) agar tidak bersifat traditional dalam pengajaran. Justeru, untuk melahirkan pelajar dengan hasrat sedemikian, para guru Pendidikan Islam (GPI) perlu mengajar bidang pendidikan Sirah dengan penuh penghayatan dan memberi kesan dengan mengintegrasikan KBAT ketika komposisi pengajaran dijalankan.

KAJIAN LITERATUR

Proses penggunaan akal yang menyeluruh dan bersistematik berupaya untuk memastikan keyakinan dan penghayatan sirah khususnya dalam kalangan pelajar. Penghayatan sirah

memerlukan kejelasan fikiran yang diperkuuhkan dengan ilmu dari dalil - dalil *naqliyah* dan *aqliyah* (Ahmad Yunus, 2011; Norsaleha, 2015). Menurut (Surat Pekeliling Ikhisas Bil. 11/2010, KPM) matlamat dalam pengajaran pendidikan sirah peringkat sekolah menengah adalah untuk menghayati sirah Rasulullah SAW di fasa Mekah, Madinah serta sumbangan tokoh khulafa' ar-Rashidin agar pelajar mengambil pengajaran serta mengembalikan Islam kepada realiti hari ini. Maka proses ini memerlukan pelaksanaan pengajaran GPI yang berkualiti, berkesan ('Abdullah Nasih 'Ulwan, 2002; Khairul Effendi *et al.*, 2019) dan mengaplikasikan KBAT (Wan Ahmad *et al.*, 2016; Muhammad Talhah & Marzuki, 2019). Namun persoalannya, adakah pelaksanaan pengajaran GPI menerusi pendidikan sirah pada masa kini mengintegrasikan pendekatan KBAT?

Isu yang dilihat dalam kajian lepas adalah, guru kurang melibatkan pelajar untuk konsisten berfikir secara aras tinggi sepanjang PdPc. Ianya berdasarkan hasil kajian terdahulu (Ab. Halim & Nik Mohd. Rahimi, 2011; Kamarul Azmi, 2012; Paharuddin, 2014; Norakma *et al.*, 2015; Syaubari & Yunus, 2017; Nursafra, 2017; Husna *et al.*, 2018; Ernieza Suhana *et al.*, 2023). Antara isu yang dikenal pasti adalah pelaksanaan pengajaran pendidikan sirah oleh GPI masih menggunakan olahan bahasa klasik, kaedah pengajaran yang traditional. Seterusnya tiada perancangan dan persediaan pengajaran yang tersusun. Impak daripada permasalahan pengajaran yang tidak konsisten, kurang persediaan mengajar, kehilangan fokus untuk belajar dan struktur ilmu pelajar yang bersifat statik (Ab. Halim & Khairul Azman, 2010; Nursafra, 2017; Azlina, 2017; Cathrine & Sabariah, 2019).

Terdapat juga isu lain dalam pengajaran iaitu penyampaian kandungan menggunakan ayat berfalsafah (Zakaria, 2011), dan tiada penstrukturkan komposisi pengajaran yang dilaksanakan berdasarkan pendekatan permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran secara sistematis (Syaubari & Yunus, 2017; Fakhru Anwar, 2019). Selain itu, kajian terhadap bidang Pendidikan Sirah juga masih jarang dijalankan sedangkan ia adalah contoh praktikal dan terdapat hikmah yang baik yang boleh diapliasikan dalam kehidupan (Muhammad Talhah, 2022). Secara keseluruhan daripada dapatan kajian di atas menjelaskan bahawa, wujud permasalahan proses pelaksanaan pengajaran GPI dalam pendidikan sirah seperti perancangan dan persediaan GPI yang kurang rapi, pengajaran guru dalam Pendidikan Sirah dalam bilik darjah yang tidak konsisten melibatkan pelajar untuk berfikir aras tinggi, pengajaran sirah masih lagi memfokuskan elemen pembacaan dan hafalan untuk peperiksaan serta tiada penilaian yang menyeluruh terhadap komposisi pengajaran KBAT ketika PdPc berjalan.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk penyelidik melaksanakan kajian bagi mengenal pasti tahap pelaksanaan komposisi pengajaran guru pendidikan Islam dalam pendidikan sirah sekolah menengah yang mengintegrasikan KBAT. Penelitian berkaitan pengajaran GPI ini dianalisis menerusi pengenalpastian perbezaan di antara pengalaman mengajar, latar belakang pendidikan dan kelayakan akademik. Seterusnya, kajian ini meneliti dari aspek elemen pengajaran menerusi hubungan dan sumbangan dengan pelaksanaan komposisi pengajaran GPI yang mengintegrasikan KBAT.

METODOLOGI

Penelitian ini menerapkan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan instrumen berbentuk soal selidik sebagai sarana utama dalam menjawab permasalahan yang kajian. Perincian bagi soal selidik ini dibahagikan kepada 3 bahagian utama iaitu melihat perlaksanaan komposisi pengajaran iaitu pada permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran dan penutup pengajaran. Pengambilan

sampel dalam penelitian ini dilakukan melalui pendekatan pemilihan persampelan rawak ke atas seramai 406 orang guru Pendidikan Islam (GPI), yang melibatkan guru-guru Pendidikan Islam yang mengajar sekolah Menengah di Malaysia dengan pembahagian kepada lima zon utama iaitu zon utara (Perak, Pulau Pinang, Kedah), Zon tengah (Wilayah persekutuan, Selangor), Zon selatan (Melaka, Negeri Sembilan, Johor), Zon timur (Pahang, Terengganu, Kelantan) dan Malaysia Timur (Sabah, Sarawak). Data dan maklumat yang diperolehi daripada responden melalui soal selidik ini dianalisis secara kuantitatif menggunakan aplikasi IBM Stastical Pakage. Menurut Mohd Majid (2009), analisis data menggunakan perisian pengatur cara SPSS dapat menghasilkan pengiraan yang tepat dan bebas daripada ralat.

Laporan analisis keputusan dipaparkan dalam bentuk min dan sisihan piawai serta mengikut interpretasi skor min Jadual 1.

Jadual 1: Skor Min dan Interpretasi

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 4.49	Tinggi
4.50 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: (Pallant, 2010; Andy Field, 2012)

Skala likert lima mata dipilih kerana menurut J. Pallant (2010), Rozmi (2013), data-data tersebut boleh diandaikan sebagai “equal interval” iaitu memudahkan untuk dianalisis dengan menggunakan ujian statistik berparameter. Sehubungan itu, penyelidik berpandangan bahawa item soal selidik bagi kajian ini boleh menjawab persoalan kajian seterusnya mencapai objektif kajian yang ditetapkan.

DAPATAN KAJIAN

Tahap pelaksanaan komposisi permulaan pengajaran pendidikan sirah sekolah menengah yang mengintegrasikan KBAT oleh GPI.

Analisis deskriptif ini dilaksanakan bagi menjawab persoalan kajian pertama terhadap perlaksanaan permulaan pengajaran yang mengintegrasikan KBAT. Secara keseluruhannya, analisis deskriptif pelaksanaan permulaan pengajaran yang mengintegrasikan KBAT mencatatkan skor min dan sisihan piawaian (min 4.03) iaitu berada pada tahap tinggi. Bagi huriahan mengikut elemen yang terdapat dalam konstruk menunjukkan ketiga-tiga elemen iaitu (perancangan pengajaran, penetapan objektif dan pelaksanaan set induksi) sama ada mengintegrasikan KBAT atau elemen pengajaran menunjukkan pola pelaksanaan pada tahap sederhana tinggi. Secara lebih jelas, analisis deskriptif bagi tiga elemen pelaksanaan permulaan pengajaran yang mengintegrasikan KBAT dan elemen pengajaran adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2: Rumusan Keseluruhan Skor Min dan Peratusan bagi Pelaksanaan Permulaan Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam Pendidikan Sirah Sekolah Menengah.

Item	Pernyataan	Kekerapan	Varian	Min	Int
	Permulaan Pengajaran				
B1	Perancangan pengajaran mengintegrasikan KBAT	406	0.489	4.15	T

Item	Pernyataan	Kekerapan	Varian	Min	Int
B2	Penetapan objektif pengajaran mengintegrasikan KBAT	406	0.465	4.10	T
B3	Pelaksanaan set induksi mengintegrasikan KBAT	406	0.627	3.80	ST
	Permulaan pengajaran yang mengintegrasikan KBAT	406	0.521	4.03	T

Tahap pelaksanaan komposisi perkembangan pengajaran Pendidikan sirah sekolah menengah yang mengintegrasikan KBAT oleh GPI.

Analisis deskriptif pelaksanaan perkembangan pengajaran yang mengintegrasikan KBAT adalah seperti Jadual 3 Secara keseluruhannya, analisis deskriptif pelaksanaan perkembangan pengajaran yang mengintegrasikan KBAT mencatatkan nilai skor (min 3.87) iaitu berada pada tahap sederhana tinggi.

Bagiuraian konstrak perkembangan pengajaran yang mengintegrasikan KBAT yang terdapat dalam kelima-lima elemen iaitu penyampaian isi pengajaran, pelaksanaan kaedah penyoalan, kaedah pengayaan, kaedah pemulihan dan penggunaan sumber Pendidikan, menunjukkan pola pelaksanaan pada tahap sederhana tinggi. Secara lebih jelas, rumusan analisis deskriptif bagi lima elemen pelaksanaan perkembangan yang mengintegrasikan KBAT adalah seperti Jadual 3.

Jadual 3: Rumusan Keseluruhan Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Pelaksanaan Perkembangan Pengajaran menerusi Pendidikan Sirah Sekolah Menengah

Item	Penyataan	Kekerapan	Varian	Min	Int
PERKEMBANGAN PENGAJARAN					
C01	Penyampaian isi pengajaran mengintegrasikan KBAT	406	0.464	4.15	T
C02	Pelaksanaan kaedah penyoalan yang mengintegrasikan KBAT	406	0.55	3.9	ST
C03	Pelaksanaan kaedah pengayaan yang mengintegrasikan KBAT	406	0.678	3.82	ST
C04	Pelaksanaan kaedah pemulihan yang mengintegrasikan KBAT	406	0.595	3.78	ST
C05	Penggunaan sumber Pendidikan yang mengintegrasikan KBAT	406	0.679	3.67	ST
	Perkembangan pengajaran yang mengintegrasikan KBAT	406	0.598	3.87	ST

Tahap pelaksanaan komposisi penutup pengajaran Pendidikan sirah sekolah menengah yang mengintegrasikan KBAT.

Secara keseluruhan analisis deskriptif pelaksanaan penutup pengajaran yang mengintegrasikan KBAT mencatatkan skor (min = 3.83) iaitu sederhana tinggi. Bagiuraian mengikut pelaksanaan yang mengintegrasikan KBAT atau elemen pengajaran menunjukkan ketiga-tiga elemen iaitu refleksi objektif yang mengintegrasikan KBAT (min = 3.68), merumuskan isi pengajaran yang mengintegrasikan KBAT (min = 3.82) dan menilai kefahaman pelajar yang mengintegrasikan KBAT (min = 3.99) menunjukkan pola pelaksanaan pada tahap sederhana tinggi. Secara lebih

jelas, rumusan analisis deskriptif bagi tiga elemen pelaksanaan penutup pengajaran yang mengintegrasikan KBAT adalah seperti Jadual 4.

Jadual 44 Rumusan Keseluruhan Skor Min dan Peratusan bagi Pelaksanaan Penutup Pengajaran yang Mengintegrasikan KBAT dalam Pendidikan Sirah Sekolah Menengah

Item	Penyataan	Kekerapan	Varian	Min	Int
PENUTUP PENGAJARAN					
D01	Pelaksanaan refleksi objektif yang mengintegrasikan KBAT	406	0.733	3.68	ST
D02	Merumuskan isi pengajaran yang mengintegrasikan KBAT	406	0.578	3.82	ST
D03	Menilai kefahaman pelajar yang mengintegrasikan KBAT	406	0.496	3.99	ST
	Penutup pengajaran yang mengintegrasikan KBAT	406	0.601	3.83	ST

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Secara umumnya, kajian ini meneliti bagaimana pelaksanaan komposisi pengajaran GPI dalam bidang Pendidikan Sirah di peringkat sekolah menengah menerusi pengintegrasian KBAT. Kajian menetapkan tiga komponen utama iaitu permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran dan penutup pengajaran. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif kesemua sebelas elemen di bawah tiga komponen utama iaitu (permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran dan penutup pengajaran) dengan pelaksanaan komposisi pengajaran GPI yang mengintegrasikan KBAT. Perkara ini membawa maksud sememangnya elemen pengajaran mempunyai perhubungan dengan pelaksanaan komposisi pengajaran yang mengintegrasikan KBAT.

Kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang tinggi bagi tiga elemen iaitu perancangan pengajaran, penetapan objektif pengajaran, pelaksanaan set induksi. Berikutnya diikuti dengan enam elemen iaitu penyampaian isi pengajaran, pelaksanaan kaedah penyoalan, pelaksanaan kaedah pengayaan, pelaksanaan kaedah pemulihan, penggunaan sumber pendidikan, dan menilai kefahaman pelajar yang menunjukkan hubungan pada tahap sederhana tinggi. Manakala hubungan sederhana terdapat pada dua elemen iaitu refleksi objektif dan merumuskan isi pengajaran. Maka, penelitian pada setiap komposisi pengajaran (Permulaan, perkembangan dan penutup) dalam Pendidikan Sirah ini perlu diteliti.

Pada permulaan pengajaran yang mengintegrasikan KBAT menunjukkan pada skala sederhana tinggi (min 4.03). Berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan komposisi permulaan pengajaran merupakan langkah awal dan pencetus untuk memastikan pembentukan pengajaran yang bersistematik, tersusun dan mengikut aras taksonomi. Hal ini selari seperti apa yang dinyatakan oleh Le Francois (1997) iaitu sebelum pengajaran bermula, matlamat, strategi dan penilaian kemampuan pelajar perlu ditentukan agar proses pengajaran dapat dilaksanakan dengan berstruktur dan mencapai keberhasilan.

Dapatan bagi komponen ini juga mengesahkan teori yang dibahagikan oleh Ibn Khaldun (1993) iaitu pembelajaran perlu dilaksanakan secara bertahap iaitu memerlukan pelajar memahami sesuatu permulaan kandungan sebelum bergerak ke isi kandungan yang seterusnya. Oleh itu, penstrukturkan permulaan pengajaran dilaksanakan berdasarkan peringkat perancangan

pengajaran, kemudian penetapan objektif pengajaran dan seterusnya pelaksanaan set induksi. Secara keseluruhannya, pelaksanaan pemulaan pengajaran ini merupakan langkah awal membentuk kefahaman dan seterusnya pengaplikasian serta penghayatan pelajar menerusi proses yang teratur serta bersistematis. Keperluan untuk distrukturkan menerusi pembentukan perancangan seterusnya penetapan objektif dan diterjemahkan menerusi pelaksanaan set induksi agar menepati konsep pengajaran berorientasikan pembelajaran abad ke 21 (PAK 21), agar masuk dalam bahagian pertengahan atau perkembangan pengajaran ianya boleh ada hubungan perkaitan dan kelangsungan pendidikan.

Seterusnya, pada komposisi perkembangan pengajaran pula, dapatan pengajaran yang mengintegrasikan KBAT memperlihatkan skala pada tahap sederhana tinggi (min 3.87). Berdasarkan dapatan yang diperolehi menunjukkan amalan perkembangan pengajaran merupakan langkah penting untuk memastikan pelaksanaan pengajaran yang bersistematis dan berstruktur. Isu ini juga dibahaskan menerusi kajian oleh Sarmah *et al.*, (2011); Ashraf M. Zedan *et al.*, (2015) dan KPM (2014) yang menunjukkan hubungan yang signifikan di antara peringkat perkembangan pengajaran dengan pelaksanaan pengajaran oleh guru. Hal ini juga selari seperti apa yang dinyatakan oleh Le Francois (1997) iaitu peringkat semasa pengajaran perlu dilaksanakan dengan strategi yang tepat bagi menghasilkan keberkesanan pada akhir pengajaran. Selain itu, dapatan ini menepati struktur model pengajaran yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun (1993) iaitu pembelajaran memerlukan dilaksanakan secara bertahap dengan pelajar memahami sesuatu kandungan sebelum bergerak ke elemen menghayati dan seterusnya mengamalkannya.

Sehubungan dengan itu, penjelasan untuk komponen perkembangan pengajaran dibentukkan jalinan secara berstruktur mengikut sub-elemen yang telah ditetapkan iaitu penyampaian isi pengajaran, pelaksanaan kaedah penyoalan, pelaksanaan kaedah pengayaan, pelaksanaan kaedah pemulihan dan penggunaan sumber pendidikan. Secara keseluruhannya, pelaksanaan perkembangan pengajaran perlu distrukturkan dan diintegrasikan dengan unsur aras KBAT berasaskan keupayaan kognitif pelajar. Keadaan ini bermatlamat untuk menghasilkan aliran pengetahuan pelajar yang menyeluruh, mendalam, berkualiti dan dapat diterjemahkan dalam perlakuan sehari-hari.

Berikutnya pada komposisi penutup penagajaran pula yang mengintegrasikan KBAT mencatatkan skala sederhana tinggi (min 3.83). Hal ini diberdasarkan hasil dapatan yang diperolehi memperlihatkan kesepaduan di antara komposisi permulaan dan perkembangan berupaya mempengaruhi pelaksanaan pengintegrasian KBAT di akhir pengajaran. Dapatan ini mengesahkan kajian oleh Le Francois (1997); Rohizan Ya *et al.*, (2012) dan Rosnah *et al.*, (2013) yang menjelaskan amalan penutup pengajaran merupakan penentuan untuk memastikan pelaksanaan pengajaran yang bersistematis dan berkesan. Hal ini juga menepati apa yang dinyatakan iaitu peringkat akhir pengajaran adalah fasa kritikal dalam memastikan keberkesanan strategi pengajaran yang digunakan. Dapatan konstruk ini juga mengesahkan teori yang dikemukakan oleh Al-Qabisi (1955) iaitu pengajaran peringkat penutup adalah guru melaksanakan penilaian dari aspek pencapaian dan sahsiah pelajar yang bersumberkan struktur PdPc yang telah dijalankan dari permulaan pengajaran. Oleh itu, konstruk penutup pengajaran distrukturkan mengikut jalinan penghuraian mengikut sub-elemen yang ditetapkan iaitu refleksi objektif, merumuskan isi pengajaran dan menilai kefahaman pelajar.

Implikasi dari hasil dapatan bagi komponen penutup ini menunjukkan pola pelaksanaan yang sederhana memerlukan penyelidik untuk melaksanakan faktor-faktor yang menyebabkan

pengajaran sirah yang mengintegrasikan KBAT boleh ditambah baik, barangkali dengan menambah metodologi kualitatif menggunakan pendekatan analisis temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Secara keseluruhannya, pelaksanaan penutup pengajaran merupakan penentuan kepada pola keupayaan berfikir pelajar dalam membentuk asas penghayatan yang mendalam kerana penutup adalah kesimpulan hasil pengajaran waktu tersebut. Keadaan ini bermatlamat memastikan aliran pengamalan pelajar yang bertepatan dan bersesuaian dengan suasana persekitaran.

KESIMPULAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti pelaksanaan komposisi pengajaran GPI mengintegrasikan KBAT. Kajian ini telah memberikan gambaran tentang pelaksanaan komposisi pengajaran GPI yang mengintegrasikan KBAT dalam pendidikan sirah di sekolah menengah seluruh negara. Secara keseluruhannya, kajian ini memperlihatkan pelaksanaan komposisi pengajaran yang mengintegrasikan KBAT adalah menifestasi penting kepada GPI untuk mempertingkatkan keupayaan pelaksanaan seterusnya dapat membentuk kesan *qudwah hasanah* (ikutan yang baik) dalam kehidupan para pelajar. Hal ini seiring dengan fungsi pengintegrasian KBAT dalam PdPc menerusi (PPPM, 2013- 2025) iaitu mempertingkatkan tahap pengajaran guru dan pembelajaran pelajar berasaskan hasrat falsafah pendidikan negara bagi membina modal insan yang seimbang dan holistik.

Selain itu, pengajaran terhadap Pendidikan sirah sinonim dikaitkan dengan kaedah pengajaran yang traditional, berpusatkan guru sehingga membuatkan persediaan guru kurang dalam mengajar pendidikan sirah dan jarang mengajak pelajar berfikiran kritis dalam penghayatan kisah sirah. Namun, dalam kajian ini telah diketengahkan garis panduan berdasarkan elemen pada setiap komposisi pengajaran (permulaan, perkembangan dan penutup) yang lebih sistematik dalam memberikan penghayatan kepada pelajar dengan mengajak guru melaksanakan PdPc pendidikan sirah yang mengintegrasikan KBAT. Kajian lanjutan disarankan agar kajian terhadap Pendidikan sirah ini terus ditambah baik, terutama dapatkan kajian pada penutup pengajaran dilihat, guru melaksanakan KBAT di aras sederhana. Maka, perlu kajian seterusnya bagi melihat apakah faktor-faktor yang boleh ditambah baik dengan menggunakan kaedah metodologi yang lain seperti kualitatif atau menjalankan sampel kajian yang lebih ramai.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohammad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep “Muallim”. *Journal Islamic and Arab Education*, 2(1); 43-56.
- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Abdullah Nasih ‘Ulwan. (2002). *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam*. Syed Ahmad Semait. (terj.). Singapura: Pustaka Nasional Ltd.
- Ahmad Yunus Kasim. (2011). *Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes*, (Tesis Kedoktoran). Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
- Al-Qabisi, Abu Hassan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Al-Risalah al-mufassalah lilahwat al-muta'allim wa ahkam wa muta'allimin*, Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiyyah.

- Anderson, L. W., dan Krathwohl, D. R. (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. Theory into Practice, e(p); 352.
- Ashraf M. Zedan, Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Roslan Mohamed. (2015). *An Innovative Teaching Method in Islamic Studies: the Use of PowerPoint in University of Malaya as Case Study*, Dibentangkan di 4th World Conference on Educational Technology Researcher (WCETR), Barcelona: Sepanyol.
- Azlina A. Rahman. (2017). *Kesan Kaedah Flipped Classroom Menerusi Pembelajaran Berasaskan Projek ke atas Pencapaian dan Gaya Pembelajaran Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia
- Babbie, E. (2004). *The Practice of Social Research* (9th ed.). Belmont: Wadsworth Publishing Company.
- Bloom, Benjamin Samuel. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives*. Aliyn and Bacon. Boston, MA: Pearson Education.
- Cathrine Masingan & Sabariah Sharif. (2019). Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) Guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) Sekolah Menengah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 76-84. ISSN 1511-6530.
- Ernieza Suhana Mokhtar, Nur Amanina Rosley, Siti Zulaiha Ahmad, Jamalia Aurani, Noraain Mohamed Saraf. (2023). Multimedia Approach (Geo-Sirah) Development on Sirah Learning with Geography Elements: Primary School Students. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(1); 230–240.
- Fakhrul Anwar Sabri. (2019). Penggunaan Kemahiran Membuat Penutup dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)*, 8; 9-16. ISSN 2289-3180, eISSN 0128-0473.
- Farah Hazwani Effindi. (2018). VTA-TJS: Membantu Meningkatkan Kemahiran Mengingat Sirah Nabi Muhammad SAW Pemimpin Agung. *Jurnal Pendidikan Islam Kontemporeri*, 1; 50-59.
- Farid Mat Zain, Wan Kamal Mujani & Ibrahim Abu Bakar. (2012). The Islamic Education and The j-QAF Program in Malaysia. *Advance in Natural and Applied Sciences*, 6(3); 310-315.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman Muhammad. (1958). *Muqaddimah Ibn Khaldun*, 4. Kaherah: Lajnah al-Bayan al-Arabi.
- Ibn Khaldun. (1993). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. (Terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- J. Pallant. (2010). *SPSS Survival Manual A Step by Step Guide to Data Analysis using SPSS for windows*, 4th Edition. New South Wales: Crows West.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam Basic Components for Islamic Education Teacher Training: *Global Journal al-Thaqafah*, 2(2); 53-63.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Surat Pekeliling Ikhtisas*, 11. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Rendah (KSSR), Pendidikan Islam Tahun 1-6 (Modul Teras Asas)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Buku Dasar Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Pedagogi)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khairul Effendi Kamaruzaman, Faiz Yaakob, Hapini Awang. (2019). Tahap dan Perasaan Ketika Penyeliaan Pengajaran Guru: Kajian di Sekolah Agama Yayasan Islam Kelantan. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 2(1); 1-15.

- Le Francois, Guy.R. (1997). *Psychology for Teaching*. Belmont, California: Wadsworth Publishing Company.
- Mohd Aderi Che Noh. (2008). *Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru dan Pencapaian Tilawah Al-Quran Pelajar Tingkatan Dua di Malaysia*. (Tesis Kedoktoran). Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan Pendidikan Edisi ke 7*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2016). *Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam Membentuk Penghayatan Akidah di Kalangan Pelajar di Negeri Perak*. Conference: Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam 2016, di: Auditorium Fakulti Pendidikan, UM.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2017). Pelaksanaan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menerusi Kaedah Penyoalan Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1); 42-53.e-ISSN: 2289-960X.
- Mohd. Najib Abdul Ghaffar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mokhtar Ismail. (2011). *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Ahmad Marzuki Mohamad. (2020). Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Menurut Ibnu Khaldun dalam Konteks Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(2); 146-157. E-ISSN: 2682-826X
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Andi Mohd Hairy Ansar, Aminuddin Hehsan, Ahmad Marzuki Mohamed. (2023). Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam: Analisis Literatur Sistematik (SLR). *International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)*, 2; 15-25. DOI: <https://doi.org/10.11113/umran2023.10n2.612>
- Muhammad Talhah Bin Ajmain @ Jima'ain. (2022). *Pelaksanaan Komposisi Pengajaran Sirah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Nidzamuddin Zakaria, Wan Nur Amirah Wan Mohd Suhaimi, Asna Bisyarah Abu Samah, Nur E'zzati Mohd Asri. (2019). Keberkesanan Mata Pelajaran Sirah Rasul di Sekolah Rendah Islam (Sri) Ikram Musleh: Satu Tinjauan di Negeri Sembilan. *Journal of Hadith Studies*. 4(2); 77-84. eISSN: 2550-1448.
- Nor Husna Jamil, Hasanah Abd Khafidz & Khazri Osman. (2018). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pendekatan Tadzakkur*. Seminar Serantau Pendidikan Tinggi Islam (SEIPTI 2018). Diterbitkan di Malaysia oleh, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi & Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Universiti Sains Islam Malaysia, 92-102. e-ISBN: 978-967-440-595-3
- Norakma Mohd Daud, Abdul Razak Ahmad & Noria Munirah Yakub. (2015). *Pembelajaran Berteraskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah*. Dibentangkan di Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education.
- Norsaleha Mohd Salleh. (2015). *Penghayatan Akidah, Ketenangan hati dan Ketengangan Rohani Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia*. (Tesis Kedoktoran). Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
- Nursafra Zhaffar. (2017). *Kefahaman dan Amalan Penerapan Pemikiran Kritis dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah*. Tesis Doktor. UKM.

- Paharuddin Arbain. (2014). *Eksposi Pelaksanaan Pengajaran Tilawah Al-Quran Program jQAF*, (Tesis Kedoktoran). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia
- Rohizan Ya, Ab. Halim Tamuri, Mohd Hisham Mohamad, Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha & Khairul Najah Abd Rahim. (2012). *Inovasi BBM Pendidikan Islam Berdasarkan "Muka Buku"*. Dibentangkan di Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012). Le Grandeur Palm Resort Senai, Johor Bahru.
- Rosnah Ishak, Muhammad Faizal Abd. Ghani & Saedah Siraj. (2013). Amalan pembelajaran di kalangan guru sekolah berprestasi tinggi. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(2).
- Rozmi Ismail. (2013). *Metodologi penyelidikan, teori dan praktis*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarimah Mokhtar, Ab Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Nurul Huda Hassan, Mohamad Maliki Ali, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Zahiah Haris@ Harith & Mustafa Kamal Ahmad Kassim. (2011). *Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Personaliti dan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor*. Prosiding Penyelidikan International Conference and Exhibition on Research Islamic and Arabic Language Education. Bangi: Association of Malaysian Muslim Intellectual.
- Uma, Sekaran. (1992). *Research methods for business: A skill building approach* (ed ke-2). New York: Wiley & Son, Inc.
- Wan Ahmad Ismail, Mohd. Isa Hamzah & Maimun Aqasha Lubis. (2016). Kesediaan Guru Pendidikan Islam di Selangor terhadap Pengajaran KBAT. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Science*, 3(1); 79-95.
- Zainoriah Kadri. (2015). *Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif Al-Quran: Kajian Surah Al-Rum*. (Tesis Kedoktoran). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Zakaria Abdullah. (2011). *Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. (Tesis Kedoktoran). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zarkhuan Zainol. (2019). *Pengaruh Latihan Guru Pendidikan Islam Terhadap Modal Insan Guru Menurut Ibn Khaldun*. Tesis Universiti Pendidikan Sultan Ismail (UPSI).